

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

PENTING/PENAFIAN

INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN-i YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET PELABURAN, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT

(Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini bersama syarat dan syarat umum sebelum anda membuat permohonan dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan-i Transaksi)

AKAUN PELABURAN-i RIZQ PLUS

Tarikh: _____

MAKLUMAT TENTANG PRODUK

1. Apakah produk ini?

- Akaun Pelaburan-i Rizq Plus adalah berdasarkan konsep perkongsian keuntungan. Di bawah konsep ini, Pelanggan menyediakan modal untuk Bank melabur. Keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan akan dikongsi sebagai dividen antara Pelabur/Pelanggan dan Bank mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) yang telah dipersetujui bersama.
- Kontrak Syariah:
- **Mudarabah**
 - Ini merujuk kepada perjanjian antara pemegang akaun pelaburan (penyedia modal) dan Bank (usahawan) di mana pemegang akaun pelaburan bersetuju untuk melabur di dalam aktiviti kewangan Patuh Syariah yang dijalankan oleh Bank dan berkongsi keuntungan yang dijana daripada pembiayaan Islam dan/atau aktiviti pelaburan berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan yang dipersetujui. Kerugian kewangan ditanggung oleh pemegang akaun pelaburan kecuali sekiranya berlaku kecuaiian, salah laku atau pelanggaran terma tertentu oleh pihak Bank.
- Jenis produk: **Akaun Pelaburan Tidak Terhad**
Diklasifikasikan sebagai Akaun pelaburan Tidak Terhad di mana Pelabur memberikan mandat kepada Bank Rakyat untuk membuat keputusan pelaburan secara muktamad tanpa menyatakan sebarang sekatan atau syarat tertentu ke atas pengurusan dana tersebut.
- Pihak yang terlibat:
Pelabur/Pelanggan – Rabbul Mal (penyedia modal)
Bank Rakyat – Mudarib (Usahawan)
 - Pelanggan sebagai pelabur meletakkan wang ke dalam Akaun Pelaburan-i Transaksi
 - Dana ini kemudiannya dilaburkan oleh Bank ke dalam Portfolio Patuh Syariah Aset-Aset Bank berdasarkan objektif dan strategi pelaburan.
 - Keuntungan akan diagihkan antara Bank dan Pelabur berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) yang dipersetujui.
 - Kerugian kewangan yang berkaitan dengan pelaburan akan ditanggung oleh Pelanggan manakala Bank mengalami kerugian dari segi kos dan masa.
- Produk ini mungkin memberi peluang kepada Pelabur untuk mengambil bahagian dalam Cabutan Hadiah yang menawarkan hadiah menarik.

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah yang sesuai dengan produk ini?

- Individu/ Bersama / Amanah
- Permaustatin dan Bukan Permaustatin

3. Objektif

Kestabilan modal dan pulangan yang optimum

4. Tempoh pegangan untuk pelaburan

Tiada tarikh matang dan pengeluaran dibenarkan

5. Prestasi Pelaburan

Pelaburan ini terikat kepada prestasi aset sandaran, dan prinsipal dan pulangan tidak dijamin oleh Bank.

CIRI CIRI PRODUK UTAMA

6. Apa yang saya laburkan?

Nama Produk	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus
Jenis Produk	Akaun Pelaburan-i Transaksi
Strategi Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk memberi pulangan yang stabil kepada Pelabur terutamanya daripada pengagihan keuntungan melalui pelaburan yang pelbagai.
Objektif Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Untuk melabur dalam pelaburan berisiko rendah hingga sederhana yang menggunakan aset pembiayaan runcit Bank yang stabil ▪ Objektif produk adalah untuk menyediakan kestabilan modal dan pulangan optimum kepada pelabur. <i>Risk Appetite</i> Bank adalah untuk melabur ke dalam portfolio runcit berdasarkan kepada kepakaran Bank.
Penerangan Aset Pelaburan	<p>Dana ini akan dilaburkan ke dalam aset pembiayaan runcit Bank dengan memberi tumpuan kepada portfolio berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembiayaan Peribadi-i 2. <i>High Quality Liquidity Asset (HQLA)</i> <p>Pulangan ke atas pelaburan adalah berdasarkan prestasi aset pelaburan di mana ia boleh menjadi lebih tinggi atau lebih rendah daripada pulangan ke atas Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i.</p>
Nama Dana	RAKYAT MUDARABAH DANA 1
Kelayakan Pelabur	<ul style="list-style-type: none"> - Individu/ Bersama (Permaustatin dan Bukan Permaustatin) - Amanah
Pelaburan Awal	RM100
Baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun	RM50
Ciri Ciri Operasi	Ciri-ciri operasi produk adalah sepertimana Akaun Simpanan-i di mana Pelanggan boleh membuat pengeluaran wang, pindahan wang dan transaksi lain sepertimana yang dibenarkan di bawah Akaun Simpanan-i pada bila-bila masa melalui kaunter, ATM, CDM dan perbankan internet.
Tempoh	Tiada tempoh minimum atau maksimum Pelabur boleh mengeluarkan atau meningkatkan pelaburan pada bila-bila masa.
Pengagihan Pendapatan	Harian
Nisbah Perkongsian Keuntungan	Nisbah Perkongsian Keuntungan akan dipersetujui sebelum memulakan pelaburan. Senarai Nisbah Perkongsian Keuntungan boleh didapati di laman web Bank Rakyat.

Pengiraan Keuntungan	<p>Baki Harian x Kadar Keuntungan Kasar x Nisbah Perkongsian Keuntungan x Bilangan Hari dalam Bulan/ (365/366)</p> <p>Kadar kasar: Kadar pulangan kasar ('R') adalah kadar di mana perkongsian keuntungan untuk Akaun Pelaburan-i akan dikira. Pulangan sebenar kepada pelabur adalah berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui ke atas kadar semasa 'R'. Kadar pulangan kasar berubah pada 15hb setiap bulan.</p> <p>Contoh:</p> <p>Pengiraan Keuntungan (Nombor adalah untuk ilustrasi sahaja)</p> <p>Tarikh akaun dibuka = 01/01/2021 Bilangan hari = 1 Baki Harian (Baki penutup) = 9,000 Kadar Pulangan Kasar = 4.91% Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) =</p> <table border="1" data-bbox="911 824 1369 1079"> <thead> <tr> <th>Range</th> <th>PSR (Cust : Bank)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>0 – 4,999.99</td> <td>1:99</td> </tr> <tr> <td>5,000 - 9,999.99</td> <td>2:98</td> </tr> <tr> <td>10,000 – 49,999.99</td> <td>3:97</td> </tr> <tr> <td>50,000 – 999,999.99</td> <td>21:79</td> </tr> <tr> <td>1,000,000 and above</td> <td>51:49</td> </tr> </tbody> </table> <p>Keuntungan dibayar kepada Pelanggan = $\frac{\text{PSR } 1:99}{\text{PSR } 1:99}$ $\text{RM4,999.99} \times 4.91\% \times 0.01 \times 1/365$ RM0.0067</p> <p>$\frac{\text{PSR } 2:98}{\text{PSR } 2:98}$ $\text{RM4,000.01} \times 4.91\% \times 0.02 \times 1/365$ RM0.01</p> <p>Jumlah keuntungan harian = RM0.02</p> <p>Jumlah keuntungan bulanan = $\text{RM0.02} \times 31 \text{ days}$ RM0.62</p>	Range	PSR (Cust : Bank)	0 – 4,999.99	1:99	5,000 - 9,999.99	2:98	10,000 – 49,999.99	3:97	50,000 – 999,999.99	21:79	1,000,000 and above	51:49
Range	PSR (Cust : Bank)												
0 – 4,999.99	1:99												
5,000 - 9,999.99	2:98												
10,000 – 49,999.99	3:97												
50,000 – 999,999.99	21:79												
1,000,000 and above	51:49												
Kaedah Pembayaran Keuntungan	Keuntungan sebenar akan dibayar setiap hari berdasarkan kadar keuntungan yang diisytiharkan, secara tentatif setiap 15hb setiap bulan.												
Penyata	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyata mini boleh dicetak di mana-mana ATM Bank Rakyat. ▪ Penyata rasmi boleh diminta melalui kaunter di mana-mana Cawangan Bank Rakyat 												

7. Apakah kemungkinan hasil pelaburan?

- a) Berdasarkan prestasi terdahulu portfolio Pembiayaan Peribadi-i Bank dan High Quality Liquidity Asset (HQLA), Pelanggan boleh menerima pulangan seperti ilustrasi di bawah:

Untuk tujuan ilustrasi:

Bulan	Kadar Pulangan Kasar	Nisbah Perkongsian Keuntungan (Tertinggi)	Kadar Pulangan kepada Pelabur
Jan-2021	3.06	51:49	1.56
Feb-2021	5.74		2.93
Mac-2021	5.69		2.90
Apr-2021	5.30		2.70
Mei-2021	4.05		2.07
Jun-2021	3.48		1.77
Jul-2021	6.30		3.22
Aug-2021	5.32		2.71
Sep-2021	5.19		2.65
Okt-2021	5.66		2.88
Nov-2021	3.21		1.64
Dis-2021	2.46		1.26

- a) Kemungkinan untuk keuntungan atau kerugian di masa hadapan

Kes Terbaik			Kes Terburuk		
Tahun	Nisbah Perkongsian Keuntungan (Tertinggi)	Kadar Pulangan kepada Pelabur	Tahun	Nisbah Perkongsian Keuntungan (Tertinggi)	Kadar Pulangan kepada Pelabur
Jul-2021	51:49	3.22	Dis-2021	51:49	1.26

* Nombor adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja

Notis Penting : Prestasi Pelaburan yang terdahulu bukanlah petunjuk prestasi masa hadapannya.

Risiko Utama

8. Apakah risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Dana ini akan dilaburkan dalam aktiviti pelaburan di mana Pelanggan akan terdedah kepada beberapa risiko seperti berikut :

Risiko Pasaran	Turun naik prestasi pasaran disebabkan faktor seperti turun naik kadar pasaran akan menjejaskan prestasi dana sama ada secara positif atau negatif.
Risiko Kecairan	Risiko berlaku apabila Bank tidak dapat memenuhi pengeluaran/penebusan daripada Pelanggan. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank selaras dengan strategi pengurusan kecairan Bank.
Risiko Kredit	Ini adalah risiko bahawa aset dana ini mungkin tidak dibayar. Risiko kredit boleh diuruskan dengan memegang portfolio yang pelbagai dan pemantauan prestasi aset terpilih.
Risiko Pengurusan Dana	Terdapat risiko bahawa keputusan pelaburan yang dijalankan berkaitan dengan peruntukan aset dan pemilihan mungkin tidak selari dengan pergerakan pasaran.
Risiko ketidakpatuhan	Risiko yang timbul apabila pengurus dana gagal mematuhi peraturan yang dinyatakan dalam perlembagaan dan dasar dalaman dana. Walau bagaimanapun, risiko ini boleh diuruskan oleh Bank melalui kawalan dalaman yang ketat.

Ketidakpatuhan Syariah	Kegagalan mematuhi ketetapan Majlis Penasihat Syariah BNM boleh mengakibatkan pelanggaran terma. Kejadian sedemikian hendaklah dikawalselia oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
-------------------------------	---

Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan

FI & CAJ

9. Apakah fi dan caj yang berkaitan?

Fi dan caj yang dikenakan bagi produk ini boleh dilihat di laman sesawang Bank. Maklumat berkaitan fi and caj adalah seperti yang berikut:

No	SUBJEK	CAJ	
Deposit			
1.	Deposit duit syiling	Percuma	
Pengeluaran			
2.	Pertukaran duit syiling	Percuma	
Penutupan Akaun			
3.	Penutupan dalam tempoh 3 bulan dari Pembukaan	RM20.00 * Untuk Akaun dengan baki di bawah RM20, Bank akan menyerap baki baki dalam akaun sebagai caj perkhidmatan	
Am			
4.	Kad Debit-i	Bayaran tahunan	RM8.00
		Penukaran Kad	RM12.00 Hilang / Dicuri
			RM0.00 Kerosakan kad/cip

PENILAIAN

Bank akan membuat penilaian terhadap aset-aset pelaburan dana selaras dengan Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang akan dijalankan secara bulanan. Laporan prestasi dana bersama penyata kewangan suku tahunan boleh didapati di semua cawangan Bank dan disiarkan melalui laman sesawang yang boleh diakses di <http://www.bankrakyat.com.my>.

MAKLUMAT HUBUNGAN

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?	11. Sebarang cadangan dan soalan boleh ditujukan kepada:	12. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan tentang produk atau servis?
Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah produk atau layari www.bankrakyat.com.my	<p>Pusat Panggilan: 1-300-80-5454</p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>7:30 pagi to 9:30 malam</u> Talian dibuka untuk semua pertanyaan • <u>9:30 malam to 7:30 pagi</u> Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kad yang hilang <p>atau Talian Antarabangsa: +603 5526 9000</p>	<p>Pusat Panggilan: 1-300 80-5454</p> <p>atau menghantar aduan anda ke: Unit Biro Aduan Awam, Khidmat Pelanggan, Tingkat 9, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral 50470 Kuala Lumpur</p> <p>atau emel kepada: aduan@bankrakyat.com.my</p> <p>atau Hubungi Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:</p>

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?	11. Sebarang cadangan dan soalan boleh ditujukan kepada:	12. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan tentang produk atau servis?
	atau Faksimile: 03-2264 7301 atau emel kepada: telerakyat@bankrakyat.com.my	Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (a) Melalui telefon: 1-300-88-5465 (b) Melalui faks: +603-21741515 (c) Melalui emel: bnmtelelink@bnm.gov.my (d) Melalui surat: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia P.O Box 10922 50929 Kuala Lumpur

PENTING

Produk ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah pada 9 Jun 2021

Nota: Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat ketika penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut peraturan, ketetapan dan garis panduan yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

PERINGATAN

PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURAN-i INI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PELABURAN. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO MENGALAMI KERUGIAN DAN TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN DARIPADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN-i INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM").

Maklumat dalam Helaiian Pendedahan Produk ini sah pada 15 Jun 2022